



جائز حکامین شرعیۃ فتح

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG

Kompleks Syariah Al-Sultan Abdullah
Bandar Indera Mahkota
25200 Kuantan
PAHANG DARUL MAKMUR



Tel : 09-531 8666
Faks : 09-531 8747 / 8737
Web : <http://jksp.pahang.gov.my/>
E-mail : jksp@esyariah.gov.my

#MajuTerusPahang #Pahang1st

Ruj. Kami : JKSP 600-1/3/1 (112)
Tarikh : 17 April 2025

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Ketua Pendaftar,
Tuan/Puan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,
Pendaftar,

ARAHAN KETUA HAKIM SYARIE BIL.4 TAHUN 2025

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN NOTIS PENERIMAAN MASUK PEGUAM
SYARIE DI NEGERI PAHANG**

Saya ingin menarik perhatian semua Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah kepada keputusan Muzakarah Kehakiman Jabatan Kehakiman Syariah Pahang Bil1/2025 pada 15hb hingga 17hb April 2025 bersamaan 17 Syawal 1446H hingga 19 Syawal 1446H di JASA Resort, Kuala Kenau, Sg Lembing Kuantan, Pahang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Ketua Hakim Syarie mengikut kehendak Seksyen 64A Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 Negeri Pahang, berhubung Garis Panduan Permohonan Notis Penerimaan Masuk Peguam Syarie di Mahkamah Tinggi Negeri Pahang sebagaimana Lampiran.

Arahan Ketua Hakim ini hendaklah berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Syariah Asas Keadilan”

(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN, DIMP., DSPN, SAP, PJK.)
Ketua Hakim Syarie Negeri Pahang.

“SYARIAH ASAS KEADILAN”



CERTIFIED TO ISO 9001:2008 CERT. NO. AN5404

GARIS PANDUAN PERMOHONAN NOTIS PENERIMAAN MASUK PEGUAM SYARIE DI NEGERI PAHANG

1. OBJEKTIF

Majlis Perisytiharan penerimaan masuk bagi peguam syarie ini dilaksanakan adalah dengan tujuan seperti yang berikut:-

- (a) memaklumkan dan mengisytiharkan peguam-peguam syarie yang telah diterima masuk sebagai peguam syarie oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, kepada semua Mahkamah Syariah dan orang awam di Pahang sebagai peguam syarie;
- (b) memberi pengiktirafan kepada peguam-peguam syarie yang telah lulus ujian/temuduga kelayakan sebagai peguam syarie Negeri Pahang. Perkara ini telah ada diamalkan di kebanyakan negeri. Sebagai contoh sebagaimana yang ditetapkan di dalam seksyen 14 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor Tahun 2003 dan seksyen 15 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008; dan
- (c) memberi maklum bahawa peguam syarie tersebut telah layak beramal dan boleh mewakili pihak-pihak yang memerlukan khidmat guaman syarie di mahkamah Syariah.

2. PROSES/TATACARA PENERIMAAN MASUK PEGUAM SYARIE

Tatacara yang diamalkan bagi proses pengisytiharan penerimaan masuk peguam syarie yang baharu di mahkamah-mahkamah Syariah kebanyakannya adalah sama dan hampir serupa seperti yang dilaksanakan di mahkamah sivil iaitu--

- suatu permohonan yang disokong dengan afidavit bagi penerimaan masuk sebagai peguam syarie hendaklah dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah iaitu selepas menerima kelulusan daripada Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang;
- Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah akan mendaftarkan permohonan yang lengkap berserta dengan fi yang telah ditetapkan dan menetapkan tarikh pendengaran;
- bakal peguam syarie tersebut kemudian hendaklah menyampaikan suatu salinan permohonannya bagi penerimaan masuk sebagai peguam syarie kepada Ketua Pendakwa Syarie (KPS), Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang (PUUNP) dan Pertubuhan Peguam Syarie Negeri Pahang (PPSNP) dalam tempoh tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk pendengaran permohonan bagi penerimaan masuk atau apa-apa tempoh yang lebih singkat sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah;

- setelah itu, peguam syarie akan menjalani proses penerimaan masuk di hadapan Ketua Hakim Syarie/ Hakim Mahkamah Tinggi Syariah serta panel yang terdiri daripada PUUNP, KPS dan PPSNP;
- bakal peguam syarie juga hendaklah melantik/diwakili oleh seorang peguam pengusul (*mover*) iaitu peguam syarie yang bertauliah di Negeri Pahang yang telah beramal di Negeri Pahang tidak kurang daripada lima (5) tahun akan membacakan latar belakang, permohonan penerimaan masuk serta affidavit bakal peguam syarie tersebut di hadapan Ketua Hakim Syarie/ Hakim Mahkamah Tinggi Syariah;
- setelah permohonan didengar dan tiada apa-apa bantahan dari mana-mana panel, bakal peguam syarie akan diisytiharkan, dan secara rasmi seseorang itu boleh digelar sebagai peguam syarie serta boleh mula beramal di mahkamah Syariah;
- setelah diisytiharkan, peguam syarie yang baru dilantik itu akan dipakaikan jubah oleh peguam pengusul (*mover*) masing-masing di hadapan Ketua Hakim Syarie/ Hakim Mahkamah Tinggi Syariah tersebut.

3. PENDENGARAN PERMOHONAN

- Hakim yang akan mendengar permohonan dan affidavit bakal peguam syarie adalah Ketua Hakim Syarie / Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

4. KEHADIRAN PIHAK-PIHAK

Pihak-pihak yang akan hadir semasa Majlis Perisytiharan penerimaan masuk Peguam Syarie, untuk menerima atau membuat bantahan adalah seperti yang berikut:-

- I. Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakil;
- II. Ketua Pendakwa Syarie atau wakil; dan
- III. Pengerusi Pertubuhan Peguam Syarie Negeri Pahang atau wakil.